

KEDATANGAN ISLAM DI INDIA

Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)



Objek:- Peta Perdagangan Rempah: Rasa dan Perdagangan di Dunia Islam, terbitan Emanuel Bowen. IAMM 2005.2.9

Penerangan:- Peta ini menggambarkan kawasan perdagangan rempah yang merangkumi keseluruhan China dan Asia Tenggara.

Agama Islam masuk ke India melalui dua laluan. Pertama, melalui pantai barat India, iaitu sebagai pintu masuk Islam dari Semenanjung Arab Selatan. Kedua, melalui bahagian barat laut India, iaitu Afghanistan dan Turki. Hubungan antara negara Arab dan India sebelum kedatangan Islam sudah lama terjalin, terutamanya dalam dunia perdagangan. Sejak dahulu lagi, ramai pedagang Arab telah berlayar ke India untuk bermiaga dan mencari bahan makanan.

Hubungan antara dua negara tersebut hanya melalui jalan laut. Banyak kapal layar pedagang dari negara Arab dan

India berhilir-mudik di perairan Laut Arab dan Teluk Persia. Terdapat juga yang terus ke bagian selatan Semenanjung Arab menuju Yaman dan Laut Merah. Hampir keseluruhan pantai barat India menjadi tempat berlabuhnya kapal-kapal dari negara Arab yang hendak berlayar ke China.

Menurut Hamka dalam bukunya, *Sejarah Umat Islam* (yang diterbitkan pada tahun 684 M atau pada abad pertama Hijriyyah), di bahagian barat Sumatera terdapat satu perkampungan Arab. Ini membuktikan bahawa orang Arab memang sudah lama berlayar mengharungi Lautan

India dalam perjalanan mereka menuju ke Asia Tenggara dan China. Sudah menjadi kelaziman kapal-kapal pedagang dari negara Arab ini menjadikan pantai barat India sebagai tempat persinggahan untuk menambah bekalan bahan makanan dan kelengkapan yang diperlukan.

Di samping itu, buku-buku sejarah banyak mencatatkan bahawa pantai barat India, seperti Gujarat, Malabar, Kerala, dan Bombay merupakan pusat perdagangan dan tempat pertukaran barang-barang yang datang dari Timur dan Barat.

Rujukan :

- Buku Sejarah dan Tamadun Islam di India (2000). Penerbit: Jabatan Bahasa Arab & Tamadun Islam. Penulis: Ismail Bakar.
- Buku Islam di India dan China. Penerbit: Cambridge Stanford Books. Penulis: Stanford Mc Krause.
- Buku Sejarah Perkembangan Islam di India (1992). Penerbit: Khazanah Banjariyah. Penulis : Abu Ali al-Banjari Nadwi.

GUJARAT – UKIRAN KAYU



Objek:- Fasad Senibina Kayu, India.

Abad ke 18 -19 M

IAMM 2017.4.29

Penerangan:- Hasil ukiran kayu ini merupakan kerja seni ukiran yang sangat terkenal di Gujarat, India.

sebagai pintu, tabir tingkap, tiang, pendakap dan juga dapat dilihat pada hiasan balkoni. Reka bentuknya yang mewah menggambarkan prestij penaungnya. Bukaan tingkap yang kecil memaksimumkan privasi penghuni rumah. Teksturnya yang berliang membantu mengawal suhu di dalam ruangan. Tingkap-tingkap jenis ini biasanya akan dibuka menghadap lorong-lorong sempit di pol atau kelompok-kelompok kediaman di penempatan Gujarat seperti Ahmadabab atau Patan. Kediaman Muslim pula rata-ratanya dihias dengan motif dedaunan, ukiran geometri dan arabes yang memenuhi setiap ruangan. Panelnya diapit pula dengan tiang yang menjunjung plaster berbentuk teratai.

Fasad seni bina kayu di Muzium Kesenian Islam Malaysia merupakan buakan muka bangunan pada bahagian atas rumah pol atau haveli di Gujarat; sarat diukir dengan motif geometri yang berulang- berulang dan motif ukiran bunga timbul dengan teknik memahat. Corak geometri ini datang dari batu jali (skrin kekisi atau batu yang ditebus) yang terdapat pada seni bina Mughal dan Deccan. Corak ini dipahat ke dalam tetapi tidak ditembus dan bahagian belakang panel ini dikekalkan agar binaannya menjadi lebih stabil. Kesan cat merah, hijau dan jingga juga terdapat pada panel fasad ini.

Di Gujarat, seni tabir kekisi tebus menjadi penanda aras kepada kemuncak kesenian reka hias kerja kayu. Kesenian ini dapat dilihat di tingkap Masjid Sidi Saiyad di Ahmadabab yang memperlihatkan imaginasi pengukir batu dan pengukir kayu. Tabir kekisi batu tebus di Taj Mahal dan istana Fatehpur Sikri merupakan antara yang terkenal.

Ukiran kayu yang menghiasi rumah-rumah masyarakat Gujarat telah menarik perhatian penjawat awam British dan orang asing lain semasa abad ke-19 di Ahmadabab. Ada diantara mereka yang begitu terpikat dengan keindahan

dan kekayaan karya tradisional ini sehingga mereka membeli keseluruhan bahagian muka rumah lama dan kuil untuk kegunaan muzium dan kediaman persendirian di Britain dan Amerika. Pada pameran Kolonial dan India yang diadakan di London pada tahun 1886, beberapa tabir kayu berukir telah disumbangkan oleh Putera India dan menjadi sebahagian daripada pameran.

Rujukan:

- Buku *Wood Carvings of Gujarat* (2001) Penulis: V.S. Pramar. Penerbit: Publication Division: Ministry of Information and Broadcasting Government of India.
- Galeri Muzium Kesenian Islam Malaysia: Galeri India Aras 1.
- Buku *Census of India 1961: volume V, part VII (2), Wood Carving of Gujarat* (1965) Penerbit: The Manager of Publication
- Buku *Naqsh: The Art of Wood Carving in Traditional House of Gujarat: A Focus on Ornamentation* (2004). Penulis: Jay Thakkar. Penerbit : School of Interior Design C.E.P.T. India
- Buku *Haveli: Wooden Houses And Mansions Of Gujarat* (1989). Penulis : V.S. Parmar.

Minda Intelek

- Huraikan perubahan seni ukiran kayu Gujarat sebelum dan selepas kedatangan Islam di India.
- Senaraikan 4 Jenis ukiran yang terdapat di negara India.

Karya kraf kayu Gujarat merupakan hasil seni yang sangat menonjol. Seni kraf ini dikembangkan di bawah pemerintahan yang bertukar ganti di Gujarat sekitar abad ke-12 dan ke-15 Masihi, sebelum kesenian ini akhirnya mencapai kemuncak pada pemerintahan Dinasti Mughal di wilayah itu (1556 M-1707 M). Gujarat berada pada kedudukan yang istimewa dalam perkembangan ukiran kayu, baik dalam sektor pembinaan atau reka hias bangunan persendirian dan awam

Sebagai bahan pembinaan dan hiasan, kayu yang dipilih haruslah cukup kuat untuk menampung dan menyokong berat struktur rekaan atasnya dan berdaya tahan terhadap serangan serangga juga kerosakan akibat perubahan iklim yang melampau. Tukang kayu juga harus berkemahiran dalam memilih kayu. Kayu jati merupakan bahan yang paling mampan dan mampu bertahan selama berabad-abad.

Ukiran kayu yang terperinci dapat dilihat menghiasi laluan masuk rumah-rumah tradisional dan berperanan

RANTAI LEHER - KHANTI



Objek: Set emas berenamel bertatah berlian, India Utara
1850-75 M / 1266-92 H
IAMP 2014.13.18

Penerangan: Rantai leher ini mempunyai dua permukaan. Bahagian depan dan belakang rantai ini yang dihiasi dengan emas dan batu permata.

Permata, mahkota dan India telah dihubungkan sejak tahun 1876, ketika Earl of Beaconsfield menggambarkan sebenua India sebagai "permata paling terang di mahkota kerajaan"

Kecintaan India terhadap perhiasan yang berharga seperti batu permata dapat dilihat pada warisan seni perhiasannya yang kaya dari seni hiasan balairung sehingga ke perhiasan di rumah ibadat (kuil) dan hiasan dalam sesebuah rumah. Gaya mewah barang perhiasan India direka merangkumi keseluruhan setiap bahagian tubuh yang kelihatan; dari cincin jari kaki, ke perhiasan kepala hingga pada azimat yang dipakai di leher. Terdapat banyak petunjuk dari patung India dan sumber tekstual bahawa seni permata tersebut memiliki status tinggi sejak sebelum abad ke-16 lagi.

Kalung berbentuk kolar besar (Kanti) banyak dapat dilihat pada potret putera-putera India pada abad ke-19. Kanti seperti di dalam gambar ini mengandungi lapan teknik pemotongan berlian (*brilliant-cut*) yang setiap daripadanya sekitar sepuluh hingga lima belas karat. Berlian-berlian yang digunakan dipotong kasar dan diletakkan pada emas atau perak dan dilapisi dengan cat berkilat pada bahagian belakang. Gaya kalung ini sangat terkenal di utara dan selatan India.

Di dalam konteks intitusi diraja India, barang kemas dipakai sebagai hiasan dan menjadi simbol kepada kemewahan dan kekuasaan. Barang kemas yang direka mewakili seni estetika kemewahan dinasti Mughal dan mampu memberi kesan menyeluruh melalui keindahannya. Rantai ini dibuat khas untuk patron yang hartawan, setiap butir berlian dipotong dan dilapik dengan kerajang untuk menyerlahkan lagi kilauannya.

Permata yang digunakan merupakan hadiah-hadiah yang terbaik yang telah diperolehi sama ada diwaris atau didapati hasil daripada penaklukan. Dalam sistem perbendaharaan India pemimpin akan diberi pakai barang kemas yang mengagumkan (Barang kemas yang berharga) untuk dipakai di satu perhimpunan awam istiadat di Durbar. Kalung ini dipakai oleh seorang putera, dibahagian belakang mempunyai reka bentuk kluster berlian yang berinspirasi barat, namun kalung itu mengekalkan kaedah pengikat tradisional dengan talimudah laras, dihiasi pula dengan mutiara kecil.

Rantai leher ini ditatah dengan berlian menggunakan teknik kudan dan hiasan enamel serta kemasan polikrom berkilau di bahagian belakang. Barang kemas buatan Kundan telah mendapat tempat dalam kalangan diraja khususnya

dari Rajasthan di utara dan Hyberabad di selatan. Loket yang berbentuk burung merak ini melambangkan kecantikan dan keagungan serta menampilkan elemen tiga dimensi pada rekaan kalung ini. Enamel di bahagian belakang sangat berkualiti tinggi dan mempunyai motif dedaun yang dilukis dengan perincian bersisir. Teknik ini menjadikan ianya lebih terang dan berkilau.

Berlian yang digunakan kebanyakannya berasal daripada lombong berlian di Wilayah Golconda yang terletak di barat Hyderabad (bahagian barat Telagana). Telagana merupakan sebuah negeri di selatan India dan merupakan ibukota kerajaan Qutb Shahi pada abad ke-16 dan abad ke-17. Wilayah ini sangat terkenal dengan perlombongan berlian sehinggakan pada abad ke-18 dan 19 ianya menjadi sumber utama berlian dunia.


Rujukan:

- Buku Treasures from India (2014) Penerbit : The Metropolitan Museum of Art, New York. Penulis: Navina Najat Haidar, Courtney Ann Stewart.
- Buku Jewel Whithout Crowns (2010) Penerbit: Muzium Kesenian Islam Malaysia. Penulis: Muzium Kesenian Islam Malaysia.
- Galeri Muzium Kesenian Islam Malaysia – Galeri India Aras 1, Kuala Lumpur.

Tugasan Intelek:

1. Kecintaan India terhadap barang perhiasan dan batu permata merupakan warisan seni yang kaya. Bincangkan objek selain barang kemas yang dihiasi oleh batu permata.
2. Perhiasan diri merupakan salah satu daripada kepentingan dalam pemakaian diraja. Lakar satu daripada barang perhiasan diri kerajaan Islam Mughal.

Taj Mahal



Objek: Taj Mahal
Agra, India
Abad ke-17 M/ Abad ke-11 H
IAMM 1999.2.7

Penerangan: Taj Mahal merupakan seni bina agung yang terdapat di India.

Taj Mahal yang terletak di bandar Agra, India merupakan makam yang dibina oleh Shah Jahan, Maharaja Empayar Mughal (1614 - 1666 M) sebagai monumen peringatan kepada isterinya, Mumtaz Mahal. Taj Mahal mula dibina pada tahun 1632 M dan siap pada tahun 1648 M. Ia adalah contoh terbaik seni bina Mughal yang menggabungkan seni bina Parsi, Turki, India dan gaya seni bina Islam. Taj Mahal merupakan sebuah kompleks bersepada iaitu bangunan yang merangkumi bahagian makam, dewan, taman rekreasi, masjid dan menara tinjau.

Taj Mahal menggabungkan reka bentuk tradisi seni bina Persia dan seni bina awal Mughal. Ia diinspirasi daripada Dinasti Timurid dan bangunan Mughal termasuk; Gur-e Amir (Makam Timur, pengasas dinasti Mughal, di Samarkand), Makam Humayun, Makam Itmad-Ud-Daulah (juga dikenali sebagai Bayi Taj) dan Masjid Jama, Delhi binaan Shah Jahan sendiri.

Bangunan Mughal pada peringkat awal dibina daripada batu pasir merah. Dibawah naungan Shah Jahan, baginda menganjurkan penggunaan batu marmor putih yang

dihias dengan batu separa bernilai sekaligus menjadikan seni bina Mughal mencapai tahap kehalusan baru. Setelah Taj Mahal siap dibina, Shah Jahan telah digulingkan oleh anak lelakinya Aurangzeb. Shah Jahan telah ditahan di dalam rumah berdekatan Pelabuhan Agra. Dari sana, beliau meninjau makam Taj Mahal. Setelah meninggal dunia, Aurangzeb mengebumikan ayahnya di sebelah makam isterinya, Mumtaz Mahal.

Ketua arkitek bagi pembinaan Taj Mahal ini ialah Ustaz Ahmed Lahauri. Hasil gabungan kepakaran para arkitek, jurubina dan pereka India, Parsi, Turki serta Itali telah menyumbang kepada pembangunan kompleks yang luas termasuk pintu gerbang utama, taman, masjid, rumah tamu dan beberapa bangunan agam yang lain. Taj Mahal mengambil masa selama 22 tahun pembinaan dengan tenaga buruh seramai 20,000 orang. Struktur Taj Mahal keseluruhannya dibina dengan marmor putih, iaitu bahan binaan yang dikehendaki oleh Shah Jahan.

Hiasan dan seni bina Taj Mahal bermotifkan bunga-bunga yang diukir dan ditatah dengan menggunakan teknik

yang dipanggil *Pietra Dura* (teknik menghias mozek dari Itali, di India teknik ini dikenali sebagai *Parchin Kari*). Batu-bata yang sangat bernilai dan batu separa berharga seperti akik dan jasper menjadi pilihan sebagai hiasan bahagian dinding. Selain itu, ayat- ayat suci Al-Quran merupakan hiasan utama Taj Mahal. Seni khat Thuluth menjadi motif kaligrafi utama yang dihasilkan oleh jurukhat bernama Amanat Khan, yang dibawa dari Parsi.

Antara surah yang dipilih adalah Surah As-Syams, Surah Al-Ikhlas, Surah Al-Fajr, Surah Ad-Dhuha dan Surah At-Tin.

Sepanjang kewujudan Taj Mahal ini, terdapat juga beberapa peristiwa penting yang berlaku. Contohnya pada abad ke-19, terdapat banyak bahagian dan lapisan dinding telah rosak dan tidak diperbaiki. Ketika pemberontakan India pada tahun 1857 M, tentera British telah menguasai Taj Mahal dan mencuri batu permata di dindingnya.

Manakala ketika Perang Dunia ke-dua pada tahun 1942 M, dinding Taj Mahal telah rosak akibat serangan udara daripada tentera Jerman. Tentera Jepun juga menjadikannya sebagai sasaran serangan udara.

Rujukan :

- Buku *Architecture of Mughal India - Volume 4* (1992). Penerbit: The Press Syndicate of The University of Cambridge. Penulis: Catherine Asher.
- Buku Sejarah dan Peradaban Islam (2011) Penerbit : Pustaka al-Kauthar. Penulis : Dr. Salamah Muhammad Al – Harafi.
- Buku Dinasti Mughal : Menelusuri Jejak Peradaban Islam Di Tanah Hindustan (2017) Penerbit : Diandra Kreatif. Penulis : Sandi Nur Rohman
- Website Wikipedia Bahasa Melayu : Taj Mahal

Minda Intelek

1. Taj Mahal menjadi kebanggaan seni bina Islam di India. Terangkan aspek seni bina Islam yang terdapat pada Taj Mahal.
2. Jika anda merupakan seorang pelakar bangunan, lakarkan sebuah masjid yang sesuai dengan seni bina India.